

Kelab Penyokong Muda PAS dilancar 15 Nov
Malaysiakini.com
Nov 4, 2008

Dewan Pemuda PAS Pusat (DPPP) akan menubuhkan Kelab Penyokong Muda PAS (KPMP) ekoran sokongan dan kepercayaan rakyat, khususnya anak muda pelbagai kaum, terhadap parti itu dalam pilihanraya umum yang lalu.

pas new headquarters 020307 salahuddin ayubKelab tersebut akan dilancarkan oleh Ketua DPP, Salahuddin Ayub, yang juga ahli Parlimen Kubang Kerian, pada 15 November ini bertempat di pejabat agung PAS di ibunegara.

Pengerusi Lajuh Perpaduan Nasional (LPN) DPPP, Khairul Faizi Ahmad Kamil berkata, inisiatif penubuhan kelab tersebut adalah selaras dengan dasar PAS dan juga Islam yang memberikan hak dan keadilan kepada seluruh rakyat, tanpa mengira kaum dan agama.

Menurutnya, Kelab Penyokong PAS (KPP) telah ditubuhkan, tetapi pada masa yang sama, wujud kehendak dari kalangan golongan muda bukan Islam untuk terlibat aktif secara langsung bersama PAS dalam memperjuangkan hak-hak rakyat, khususnya bukan Islam.

"Setelah PAS berjaya melancarkan KPP pada tahun 2004 dan kini keahliannya sudah pun mencecah 18,000 orang, maka DPPP mengambil inisiatif untuk membentuk KPMP yang akan lebih cenderung ke arah aktiviti yang berbentuk pemudaaan.

"KPP sedia ada dilihat lebih dianggotai oleh golongan dewasa serta aktiviti yang tidak banyak menjurus kepada golongan muda," kata Khairul Faizi dalam satu kenyataan hari ini.

'Himpunan Anak Muda'

Menurutnya, majlis perasmian tersebut akan diserikan dengan beberapa acara seperti persembahan kumpulan anak muda dari KPMP, pelancaran misi dan visi KPMP, penyerahan borang keahlian KPMP dan majlis memperkenalkan jawatankuasa penaja KPMP.

Khairul Faizi berkata, KMPM juga akan ditubuhkan di peringkat negeri, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Untuk itu, katanya, LPN akan bergerak ke seluruh negara untuk melancarkan KPMP di peringkat negeri, selepas pelancarannya pada 15 November depan.

Beliau berkata, kemuncak penubuhan KPMP akan diadakan pada bulan Mei 2009.

Khairul Faizi berkata ia merupakan satu himpunan Anak Muda KPMP yang akan menghimpunkan kesemua jawatankuasa penaja yang telah berjaya ditubuhkan di peringkat pusat dan negeri-negeri.

"Himpunan Anak Muda KPMP telah dipersetujui untuk diadakan di sekitar Lembah Klang," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/92431>